

Melayu mesti tukar budaya kerja

# Tiada **jalan singkat** menuju kemajuan: **PM**

UCAPAN PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIRMOHAMAD, MENGGULUNG PERBAHASAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1992 DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR, KELMARIN

SAYA ucapkan tahniah kepada persidangan Umno tahun ini yang begitu bermurah hati dapat memungut derma sebanyak RM513,000 untuk Tabung Bosnia. Yang saya ingin menarik perhatian ialah sebelum adanya Umno ini, kalau peristiwa Bosnia berlaku dan kita mempunyai tabung untuk menderma kepada Bosnia, bernasib baik kalau kita boleh memungut RM1,000. Ini bermakna perjuangan Umno untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera sebanyak sedikit sudah berjaya. Alhamdulillah.

Tadi, semasa saya duduk di meja, Datuk Seri Rafidah telah menghantar satu mesej kepada saya. Katanya, dengan begitu banyak puji-pujian kepada saya ini, apakah saiz kopiah yang saya nak buat? Saya, sebenarnya sekarang ini mempunyai saiz kopiah yang boleh diubah-ubah kerana ia dibuat dengan elastik. Sebabnya kata beliau, kepala saya ini sudah be-

an. Nasib baik saya tak payah jawab sebab Saudara Anwar telah jawab. Kerana, katanya tentulah saya segan-segan nak mempertahankan diri. Saya jarang segan nak mempertahankan apa-apa pun, terutama kalau sesiapa yang menyentuh negara ini atau bangsa Melayu ataupun agama Islam bila-bila masa saya boleh pertahan. Tetapi, berasa malu sikit bila nak kena pertahan diri. Tapi, nasib baiklah ada kawan-kawan yang sanggup pertahan diri saya.

Saya ingin mengucap tahniah kepada para wakil sekalian dengan telatah mereka dan ucapan yang disampaikan oleh jurucakap-jurucakap membuktikan wujudnya demokrasi di dalam negara kita, khususnya di dalam parti kita. Memang dalam parti, kita terbuka. Bila-bila masa saja kita boleh mengkritik mana-mana pihak dan kita sanggup dikritik oleh mana-mana pihak. Mereka yang dilantik menjadi Ahli Mailis Ter-

sar. Kerana begitu banyak ucapan, sokongan dan pujian dan biasanya bila dipuji kepala kita ni jadi lebih besar sikit.

Kadang-kadang saya berasa kepala saya berada di atas awan dan kaki saya tidak pijak tanah kerana saya ditatang dan dijulung tinggi oleh para wakil sekalian. Dan bila duduk terlalu tinggi saya berasa gayat. Ada pula yang berkata bahawa ia-nya mengikut apa saja yang saya kata. Sehingga katanya, kalau Presiden kata hitam, hitamlah. Kalau Presidkn kata putih, putihlah. Jadi, kalau terikut-ikut dengan pujian ini kadang-kadang kita mungkin berasa terlalu besar, terlalu tinggi hingga ter lupa daratan. Saya sebenarnya tidak lupa daratan.

Saya sedar bahawa populariti, sama ada ianya pemimpin, penyanyi atau aktor tidak kekal. Lama kelamaan perasaan jemu, jelak, cemuih kata orang Kedah, akan dirasai. Dan, sudah tentulah lama kelamaan perasaan ingin melihat perubahan yang saya sarankan dalam ucapan saya, juga akan menjelma dalam diri ahli Umno sedikit sebanyak. Walaupun puji-pujian telah diberi, saya sedar juga akan perasaan kurang senang terhadap kepemimpinan saya dalam kerajaan.

tingi ini sedar bahawa setelah mereka menjadi Ahli Majlis Tertinggi, mereka akan didedah kepada teguran. Teguran ini memang baik bagi pengu- rusan parti kerana kita tidak mahu mana-mana pemimpin lupa tanggung- jawab mereka kerana mereka sudah fikir mereka duduk di satu tempat yang enam kaki lebih tinggi daripada orang lain. Sebab itu teguran diterima dengan baik walau kadang-kadang pedih juga, terutama kalau teguran itu tidak mempunyai asas yang benar.

Kita biasanya tertarik juga untuk memikirkan bahawa orang lain buruk daripada kita, jadi bila kita nampak orang lain buruk maka kita nampak diri kita baik. Sebab itu kalau ada tuduhan yang dilempar kepada mana-mana pihak kita berasa tertarik dan agak seronok. Tetapi, kita harus ingat kalau tuduhan itu berasas memang baik kalau kita menyokongnya, tetapi kalau tuduhan itu tidak berasas amatlah kurang baik nasib orang yang dituduh.

Sebab itu, saya mengalu-alukan dan menghargai sikap ahli yang hadir di sini yang sedia memberi peluang kepada pihak yang dituduh untuk membuat jawapan dan sedikit sebanyak telah menerima kebenaran. Saya kata kita tertarik dengan ini kerana kebanyakan daripada tuduhan tertentu berasas kepada surat layang. Surat layang ini sebenarnya bertujuan buruk untuk merosakkan parti kita, untuk memecahbelahkan kita dan memisahkan ahli daripada pemimpin.

ngan niat yang tidak baik. Malangnya, ada orang yang kata surat layang ini ada juga baiknya kerana dia menasihati kita. Saya sedih. Saya sedih kalau kita terpaksa terima nasihat daripada surat layang, melayanglah kita semua...

Penasihat banyak. Tuan-tuan dengan puan-puan adalah penasihat kepada orang sebelah sini (Ahli Majlis Tertinggi). Sebelah sini pun nasihat kepada tuan-tuan dengan puan-puan, sama-samalah nasihat. Macam kita dengar khutbah Jumaat. Khatib bukan saja peingat jemaah, diri dia pun kena peringat juga. Jadi, kita tidak boleh sama sekali berpegang kepada surat layang kerana saya fikir niatnya buruk. Tujuannya ialah untuk melemahkan ahli Umno. Mereka tahu jika ada perpaduan di kalangan kita, tidak ada siapa yang boleh goncang dan merobohkan kita.

Umno tidak boleh dijatuhkan daripada luar kerana kalau ada tekanan dan desakan dari luar kita akan rapat lagi barisan kita dan kita akan jadi lebih kuat. Umno hanya boleh dijatuhkan kalau daripada dalamnya timbul perasaan syak wasangka, curiga dan sebagainya sehingga kita tidak lagi percaya kepada orang itu dan orang ini, kepada pemimpin dan kepada ahli. Dengan itu berpecahlah kita. Maka akan jatuhlah kita. Jadi, kalau mereka sedar dan saya syak mereka sedar, tidak ada sesuatu yang boleh dilakukan oleh mereka dengan mengancam kita dari luar, membuat serangan daripada luar, maka mereka cuba memasuki jiwa kita melain-

pan kita. Sebab itu berhati-hatilah. Walaupun tradisi kita membenarkan wakil menyerang tapi kita mestilah berjaga-jaga sikit. Kalau nak suruh yang di atas ni turun, boleh. Tapi ramai yang ada di bawah ni. Tempat yang di atas kecil.

Tidak apa suatu hari bertandnglah. Insya-Al- lah, bagi yang jujur akan menang, tapi sementara itu berjaga-jagalalah sikit. Supaya kita sendiri tidak memberi senjata kepada orang lain untuk membunuh kita, untuk mencederakan kita. Kalau ben- da itu benar nak tegur, tegurlah. Tetapi kalau benda itu tidak benar, janganlah kita buat tuduhan yang mungkin akan memburukkan keadaan parti kita sendiri.

Namun, kita berpegang kepada demokrasi. Apa dia demokrasi? Asas demokrasi ialah populariti, sukaramai. Orang memilih pemimpin melalui suara yang ramai. Dan inilah cara memilih pemimpin yang terbaik sekali. Pemimpin yang menjadi pemimpin kerana keturunan akan hilang hubungannya dengan orang yang dipimpin. Tetapi, pemimpin yang dipilih oleh orang yang dipimpin adalah pemimpin yang terbaik sekali kerana dia terpaksa bertanggungjawab kepada orang yang memilihnya.

Kalau dia buat silap maka dia boleh diturunkan. Ini cara demokrasi. Dan, kita pilih demokrasi kerana percaya cara ini akan menentukan hanya pemimpin yang baik saja akan dipilih. Tetapi, se-

Tetapi, dia juga boleh mengekalkan tempatnya dengan melayan segala kehendak orang yang memilihnya, walaupun layanannya itu membawa keburukan kepada pengikutnya. Sebab itu saya berasa kecewa dengan rasuah politik. Saya berpendapat bahawa rasuah politik tidak baik kerana dia akan menyekat pencapaian atau kejayaan perjuangan kita. Tetapi, ada wakil yang bercakap bahawa untuk mengatasi masalah rasuah ini, apa salahnya kita bagi duit kepada orang lain pula. Dia pun sama-sama rasuah. Ini bermakna rasuah dilawan dengan rasuah dan kita kembangkan budaya rasuah. Semua orang kita bagi apa dia minta. Nak terima duit memang cukup sedap, siapa tidak mahu duit buta. Tetapi, kalau kita amalkan budaya rasuah ini hasilnya ialah keburukan kepada kita semua. Negara kita bernasib baik rasuah tidaklah berleluasa, tetapi di sesetengah negara, apabila hendak buat apa saja kita kena hular. Kalau ada 10 jabatan baru nak dapat pasport, 10 tempat nak kena hular. Kalau kita nak cara itu, okey kita terima budaya rasuah. Tetapi, sayayakin kita tidak terima budaya rasuah dan kita tidak mahu melihat berlaku sama ada di kalangan pemimpin kita di apa jua peringkat.

Dalam ucapan saya, saya bukan sebut yang di atas saja, yang di bawah (perwakilan) pun ada ter- babit juga. Rasuah jugak... Di peringkat cawangan, hendak jadi ketua

membetulkan sesuatu perlu kepada jalan yang amat susah dan yang tidak sedap sama sekali. Kalau hendak buat yang buruk, cukup senang. Tetapi, kalau kita hendak buat cara yang betul, kita perlukan cara yang tidak mudah dan tidak senang. Saya dilatih sebagai doktor perubatan. Sekarang ni banyak bertabur doktor-doktor ni. Tapi jangan percaya nang macam Dr Yusuf tu. Dia tak boleh cukup, saya boleh. Ini doktor betul taqi tak dapat Phd cuma MBBS. MBBS bukan doktor, tapi apa nak buat orang tak tau, dia panggil kita doktor, kita terima sajalah.

Kita tahu dalam profession perubatan, ubat yang kita beri jarang sedap. Selalunya pahit, kadang-kadang disalut dengan gula tapi kalau lama duduk dalam mulut, dia keluarlah pahitnya. Ubat tidak pernah sedap. Tetapi kita tahu kalau ubat yang tidak sedap, hasilnya kita akan jadi baik. Ini yang harus kita ingat. Orang sedikit dalam perut, bukan nak dipujuk, tapi dia belah perut. Sudahlah sakit, belah pula lagi. Tapi bila kita harus ingat dalam apa juga yang kita buat termasuk memperbaiki nasib kita, kita mesti terima jalan yang susah, jalan yang tak mudah, jalan yang tak senang. Sebab itu dalam ucapan saya tidak tekankan cara yang mudah. Saya tidak janji cara yang mudah, melainkan kita mempunyai suatu usaha yang gigih, sanggup hadapi berbagai cabaran, masalah, rintangan, belanja duit dan se-

Bolehkah kita fikir bahawa surat layang ini mempunyai niat yang baik? Kalau dia mempunyai niat yang baik, dia datang ke sini dan cakap terus terang. Saya yakin semua orang akan menyokong kerana di sini kita bebas bercakap apa saja. Sebab yang dibuat dalam bentuk surat layang ialah kerana niatnya tidak baik dan bila orang mempunyai niat yang tidak baik mereka tidak berpegang kepada kebenaran. Mereka lebih suka membuat tuduhan yang tidak berdasar.

Sekarang ini, kita dengar istilah baru 'half truth' - separuh benar. Ini satu cara yang digunakan oleh Menteri Propaganda, Gobells, di zaman Nazi Jerman. Katanya, kalau kita campuradukkan benda yang benar dengan benda yang tidak benar, akhirnya orang akan terima yang tidak benar bersama-sama yang benar sebagai benar. Menteri Propaganda ini niatnya satu saja, iaitu bagaimana untuk menawan fikiran orang Jerman supaya menyokong pengganas bernama Hitler - orang yang tidak jujur, tidak baik, pembunuh. Bagaimana untuk mendapat sokongan kepada orang yang begini ganas? Tidak lain tidak bukan ialah dengan menggunakan 'half truth' dicampuraduk dengan bermacam fitnah yang dilempar dengan tujuan yang juga tidak baik. Tentulah surat layang yang kita terima ini de-

lui surat layang. Kalau mereka benar, memperjuangkan orang Melayu, Bumiputera dan agama Islam, negara, terus terang bangun bercakap. Jangan jadi pengecut. Orang yang pengecut ini ada jenis. Satu pengecut kerana dia bodoh. Tetapi bila orang pandai pengecut, inilah pengecut yang habis kecut sekali.

Dalam Umno kita terima tradisi yang adak pada kita. Bila kita ada Perhimpunan Agung semacam ini, kita mesti mempunyai sasaran. Dalam mana-mana mesyuarat pun mesti ada sasaran. Dalam Parlimen kita ada parti kerajaan dan parti pembangkang. Parti kerajaan hentam parti pembangkang dan parti pembangkang hentam parti kerajaan, barulah sedap kita berdebat. Dalam Umno siapa dia jadi parti pembangkang? Dalam persidangan Umno semua yang jadi pembangkang yang inilah (Ahli Majlis Tertinggi). Kadang-kadang kita di sini berasa seolah-olah kita parti pembangkang dan diserang bukan main teruk. Tidak apa kita terima serangan itu kerana kita boleh jawab akhirnya.

Yang kita khawatir ialah kadang-kadang serangan ini dan hujah yang dikeluarkan boleh menjadi bahan bagi parti-parti lawan untuk mengecam dan menyerang kita. Benda yang kita kata ini boleh dijawab, tapi jawapan kita dia tidak sebut. Dia nanti sebut tentang uca-

suatu cara tidak berkesan melainkan kita tahu menggunakannya. Kalau kita tidak tahu menggunakan cara-cara sesuatu itu maka ia akan membawa keburukan. Umoamanya, apabila kita pilih pemimpin, kita pilih dia kerana ada tujuan tertentu bukan semata-mata hendak naikkan dia dan bagi pangkat, nak panggil dia sebagai Yang Amat Berhormat dan sebagainya. Kita pilih dia kerana hendak dia buat sesuatu untuk mencapai matlamat perjuangan kita. Itu sebab kita pilih pemimpin. Bukan kita pilih pemimpin supaya dia jadi pemimpin lepas itu dia duduk diam saja dan dapat pangkat Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden; bukan itu tujuannya. Kita pilih pemimpin supaya dia boleh berusaha untuk mencapai matlamat perjuangan kita. Inilah tugas pemimpin. Tetapi untuk membolehkan pemimpin membuat sesuatu dia mesti diberi kuasa. Kalau tidak diberi kuasa maka dia tidak boleh menjalankan tugas yang kita kehendaki. Tetapi, kadang-kala apabila seseorang pemimpin mempunyai kuasa, dia berasa sedap, sa yang hendak tinggal tempatnya. Ini jadi masalah. Bila dia sangat senang dengan temoat dia, dia akan berusaha nak kekalkan tempatnya. Dia boleh mengekalkan tempat dia dengan cara menjalankan tugasnya dengan sempurna untuk mencapai matlamat dan hasrat pertubuhan yang dia wakili.

cawangan sekarang pun bawa orang makan angin. Dah mewah. Zaman dulu waktu Umno baru ditubuhkan, tidak ada peristiwa itu. Saya masih ingat peristiwa zaman dulu kita jemput orang supaya jadi ketua, dia tolak. Sekarang belum kita buka mulut, dia kata "saya bolehlah". Budaya sudah berubah. Kalau kita kata tak boleh pun dia buat cara lain, guna cara-cara yang tak baik. Di peringkat bahagian, di peringkat cawangan dan saya takut tahun depan berlaku juga di peringkat atas ini. Bukan yang di atas ini saja, yang di bawah dan teringin nak naik pun buat juga kerja itu. Pasal, sekarang ini kita mewah. Jadi cara-cara ini tidak baik. Saya berharap amalan ini tidak akan menjadi amalan dalam parti kita.

Wakil Pemuda, Ahli Parlimen Jerai yang membuat ucapan tentang hidung besar yang buat saya tak berapa seronok dengar; tapi dia minta maaf dekat saya tadi kerana saya bagi makan tengah hari. Bukan nak suap dia. Dia kata bukan maksudkan hidung saya kerana hidung orang lain pun ada yang besar. Dia kata, bagi makan kita makan, jadi bila saya jemput dia makan tengah hari, dia pun makan. Tapi dia kata, bagi duit jangan terima; ini baik. Jangan terima duit walau dalam apa bentuk sekalipun.

Sebenarnya, kalau kita hendak membetulkan sesuatu, tidak ada jalan yang mudah. Bahkan nak

bagainya barulah kita boleh capai kejayaan. Dalam bidang ekonomi, tidak ada jalan yang mudah. Tidak ada jalan yang mudah dalam ekonomi.

Kita telah dengar banyak cadangan yang dibuat. Dulu pun banyak cadangan yang dibuat bagaimana hendak mengatasi masalah Bumiputera. Buat cadangan tukar Rida jadi Mara, dah jadi Mara. Tetapi, masalah kita tak selesai. Kita kata tidak ada bank. Kita mesti ada bank untuk Bumiputera, kita mesti ada bank untuk orang Melayu, kerana masalah kita ialah hendak pinjam duit daripada bank. Kita buat Bank Bumiputera, tapi tak selesai juga masalah. Kita buat Bank Koperasi, Bank Pertanian, kita ambil alih Malayan Banking, UMBC, sekarang ini hampir separuh bank yang ada di Malaysia milik Bumiputera, diurus Bumiputera, semuanya Bumiputera.

Betulkah bank ini yang tidak betul atau kita yang tidak betul? Saya tahu kalau orang pinjam duit kemudian bayar balik, bila-bila masa boleh pinjam lagi, tidak ada masalah. Tapi, bila pinjam duit tak bayar balik, inilah yang susah. Bukan saja dia yang susah, orang lain yang nak pinjam pun susah. Orang lain kata, orang Melayu kalau bagi pinjam duit bukan nak bayar. Bukan saja dia bina-sakan diri bahkan binasakan bangsa dan kaumnya.

**BERSAMBUNG ESOK**